

Sistem parit bukan punca banjir

B.H 09 JUNI 1993

P
KUALA LUMPUR, Selasa — Banjir kilat terburuk yang melanda Kuala Lumpur semalam adalah perkara luar biasa akibat hujan lebat berterusan dan bukannya disebabkan sistem perparitan yang tidak baik di ibu kota, kata Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, sistem

perparitan di ibu kota sebenarnya ada, cuma tidak boleh menampung air yang terlalu banyak sehingga menyebabkan banjir kilat.

"Lagipun kita duduk dalam lembah. Bermakna, semua air hujan dari bukit turun masuk ke lembah. Dalam kejadian semalam, didapati air juga dapat keluar dari lem-

bah walaupun agak mengambil masa sedikit," katanya.

Menurutnya, masalah itu mungkin boleh diatasi sekiranya sungai dibesarkan, tetapi langkah itu pun akan menghadapi masalah kerana memerlukan pengambilan tanah dan pemindahan setinggan yang terbabit.

Beliau berkata demikian

ketika ditemui pemberita selepas merasmikan mesyuarat Kumpulan Pakar Bagi Pertukaran Maklumat Mengenai Dasar-Dasar Ekonomi (EINEP) Negara G15, di sini, hari ini.

Dr Mahathir diminta mengulas banjir kilat terburuk

LIHAT MUKA 3 ✓

melanda 18 kawasan sekitar ibu kota dan Petaling Jaya semalam dan menyebabkan lebih 4,000 orang dipindahkan.

Hampir semua jalan di Kuala Lumpur dinaiki air, menyebabkan beribu-ribu warga kota tidak dapat ke tempat kerja kerana terkandas dalam kesesakan jalan raya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak dapat memberi peruntukan untuk semua perkara keemasan dan kejadian banjir semalam adalah di luar jangkaan berpunca daripada hujan lebat.

"Kita sebenarnya nak beri peruntukan kepada bandaraya kalau ada duit. Di Malaysia, kalau kita nak ada duit, kerajaan kena naikkan cukai dan orang ramai tidak suka membayar cukai.

"Duit tak datang tanpa usaha manakala pendapatan kerajaan berpunca daripada kutipan cukai," katanya.

Beliau berkata, jika orang ramai sedia membayar lebih banyak cukai, sudah tentu kerajaan dapat melaksanakan lebih banyak projek, tetapi masalah yang dihadapi ialah

sikap orang ramai sendiri.

Menurutnya, semua wang kerajaan digunakan sebaik mungkin untuk menyediakan kemudahan asas termasuk membina jalan raya, jambatan dan kemudahan untuk orang ramai.

Perdana Menteri juga berkata, kerajaan turut menghadapi masalah dengan orang ramai dalam pelaksanaan projek lalulintas di ibu kota, umpamanya dalam membuat landasan kereta api untuk sistem laju ringan (LRT).

"Dalam projek ini, kita nak selesaikan masalah setinggan pun mengambil masa bertahun-tahun. Kadang-kadang, kita dah bayar ganti rugi kepada setinggan terbabit, mereka masih tidak mahu pindah.

"Demikianlah amalan masyarakat penyayang yang diamalkan di negara ini. Kalau setinggan buat salah, kita tidak dapat mengambil tindakan kerana tidak mendapat sokongan daripada orang ramai," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan sebenarnya sentiasa mengambil berat kebajikan rakyat, tetapi dalam masa yang sama ia tentulah membabitkan kos.